# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 24 BILANGAN 15 | RABU 11HB APRIL, 1979. | 13 جمادي الاول 1399 رابو | PERCHUMA




PENGARAH Perkhdimatan2 Perubatan dan Kesihatan, YB Pehin Orang Kaya Tabib Laila Diraja Dato Dr P. I. Franks sedang menyaksikan pameran jenis2 makanan di-Kelinik Perpindahan sambil di-perhatikan oleh Timbalan Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan, Dato Dr Haji Johar bin Dato Haji Nordin.

## HARI TERBUKA DI-KELINIK2 KEBAJIKAN KANAK-KANAK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hari Sabtu, 7hb April ia-lah Hari Kesihatan Sedunia. Oleh kerana tahun 1979 di-istiharkan sabagai Tahun Antarabangsa Kanak-kanak, maka Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan menyambut Hari Kesihatan Sedunia tahun ini dengan mengadakan Hari Terbuka di-Kelinik2 Kebajikan Kanak-kanak di-seluroh negeri.

Pada hari itu, enam buah kelinik telah di-buka untok kunjongan orang ramai dan tiga buah lagi pada hari Isnin dan Selasa.

Sa-masa Hari Terbuka itu, berbagai pertunjokan telah di-adakan termasoklah tunjokchara menyediakan makanan kanak-kanak dari bahan2 tempatan. Disamping itu, ibu2 juga diberikan penerangan mengenai dengan penjagaan dan mengasoh kanak-kanak damit dengan lebeh terator.

Di-Kelinik Bandar Seri Begawan, ibu2 juga telah berpeluang menyaksikan slide2 yang menggambarkan chara2 menjaga dan menyusui anak damit dan chara mengurus rumahtangga dengan terator.

Di-Kelinik Perpindahan pula, ibu2 telah menyaksikan bagaimana menyediakan makanan kanak2 damit di-samping menyaksikan pameran poster yang berthemakan "Menchegah Kemalangan Di-rumah". Buah2an dan sayor2 tempatan yang berkhasiat dan baik untok kesihatan kanak2 dan ibu2 yang mengandong juga telah di-pamerkan.

Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan, Y.B. Pehin Orang Kaya

Lihat muka 16

## Anggota Pasokan Bot Khas tamat latehan

MUARA. — Sa-ramai 36 orang anggota Pasokan Bot Khas yang berpangkalan di-Angkatan Laut Pertama AMDB di-sini pada hari Isnin 9hb April yang baru lalu telah mengadakan upachara tamat latehan mereka bertempat di-padang kawat.

Upachara tersebut telah menerima kunjongan Brigadier Dato Seri Pahlawan Norman Roberts, Pemerentah Pasokan AMDB selaku pegawai memereksa perbarisan.

Dalam upachara yang rengkas itu Brigadier Dato Seri Pahlawan Norman Roberts telah di-sambut oleh Pegawai Memerentah Pasokan Bot Khas, Mejar Jones yang kemudian-nya memperkenalkan kapada lima orang jurulateh pasokan tersebut.

Sa-jurus sa-lepas itu Pemerentah Pasokan itu telah di-bawa memereksa dan berkenalan dengan anggota2 yang tamat latehan yang terdiri dari dua platon yang masing2 dibawah perentah Lt Ak Hassan dan Lt. Ali.

Lihat muka 16

## TIGA ORANG AKAN DI-KORNIAKAN GELARAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah berkenan untok mengorniakan gelaran kapada tiga orang dalam tiga istiadat yang berasingan yang akan berlangsong di-Lapau Bandar Seri Begawan dalam bulan ini dan bulan depan.

Sa-orang di-antara mereka akan di-korniakan gelaran cheteria sementara yang dua lagi di-korniakan gelaran pehin manteri.

Istiadat Mengagai terhadap Yang Mulia Pengiran Haji Mohammad ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman akan diadakan di-rumah-nya di-Kampong Sumbiling pada 12hb April jam 9.00 pagi.

Yang Mulia Pengiran Haji Mohammad akan dikorniakan gelaran cheteria dalam satu istiadat yang akan berlangsong di-Lapau pada 19hb April mulai jam 2.30 petang.

Pengorniaan gelaran yang berikut-nya ia-lah terhadap Yang Mulia Hajjah Dayang Masni binte Haji Masri yang istiadat bagi mengagai-nya akan berlangsong pada 24hb April pada jam 9.00 pagi, di-Kampong Kianggeh.

Yang Mulia Hajjah Dayang Masni akan di-korniakan gelaran pehin di-satu istiadat yang akan berlangsong di-Lapau pada 28hb April mulai jam 2.30 petang.

Istiadat yang akan berlangsong pada awal bulan Mei ini ia-lah bagi pengorniaan gelaran pehin terhadap Yang Mulia Haji Awang Mohd Yussof bin Awang Mohd Tahir yang istiadat bagi mengagai-nya akan di-langsongkan pada 1hb Mei, mulai jam 9.00 pagi, di-Kampong Mabohai.

Istiadat mengorniakan gelaran terhadap Haji Awang Mohd Yussof akan di-langsongkan di-Lapau pada 5hb Mei mulai jam 2.30 petang.

## J/k Tertinggi Perayaan akan di-bentok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-buah Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ke-33 tahun akan dibentok dalam satu mashuarat yang di-adakan di-Dewan Bandaran di-sini petang ini.

Menurut kenyataan yang di-edarkan oleh setia usaha agong jawatankuasa tertinggi sambutan itu Awang Haji Jaya bin Abdul Latif dalam surat yang di-edarkan kapada pengerusi2 dan jawatankuasa2 bahagian mashuarat hari ini akan membinchangkan antara lain jenis2 achara sambutan yang akan di-persembahkan.

Ada-lah di-fahamkan berbagai achara akan di-persembahkan di-perayaan tersebut yang akan di-ambil bahagian oleh beberapa buah pertubohan kebudayaan, belia, sekolah2 dan orang2 kampong.

Dalam mashuarat yang akan di-adakan itu perbinchangan akan di-bukakan kapada perkara2 yang berbangkit di-samping ia-nya mensahkan minit mashuarat jawatankuasa tertinggi serta mensahkan kunchi kira2 kewangan tahun 1978.

Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup, Pengerusi Tertinggi Jawatankuasa itu bagi tahun 1978 di-jangka akan memberikan uchapan-nya di-majlis itu.

Manakala Awang Haji Jaya pula akan membentangkan laporan selaku Setia Usaha Agong Tertinggi Jawatankuasa itu sa-belum ajenda membubarkan ahli2 jawatankuasa tertinggi dan pengerusi2 bahagian 1978 serta lantekan bagi tahun 1979 di-jalankan.

Sa-ramai 37 orang ahli jawatankuasa tertinggi dan kewangan serta 25 orang pengerusi2 bahagian bagi tahun 1978 telah di-lantek untok melancharkan berbagai achara sambutan. Pada tahun lalu juga jawatankuasa itu telah melantek Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiah sa-bagai penaong manakala YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz, Setia Usaha Kerajaan selaku penasehat.

## Pameran Lukisan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lukisen2 dalam zaman British Victoria kini sedang di-pamerkan di-Muzium Brunei di-Kota Batu.

Pameran sa-lama sa-minggu itu telah di-rasmikan dengan kunjongan Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail pagi semalam.

Pameran tersebut di-buka kapada orang ramai sa-masa waktu Muzium di-buka.

## Lapan orang lagi naik pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perjawatan telah mengumomkan kenaikan pangkat ka-beberapa jawatan bagi lapan orang pegawai Kerajaan; empat orang di-tukar jawatan dan sa-orang bersara.

Awang Alidin bin Othman, Pegawai Penyiaran dan Penerangan Daerah — RTB telah di-naikan pangkat menjadi Ketua Penyunting Berita — RTB mulai 1hb April, 1979.

Dua orang guru dalam Bahagian III di-naikan ka-Bahagian II. Mereka ia-lah Awang Maidin bin Ahmad, Guru Terlateh — Pelajaran di-naikan pangkat menjadi Pegawai Pelajaran — Pelajaran mulai 19hb Oktober, 1978 dan Awang Adnan bin Zainal, Guru Sekolah Arab — Ugama di-naikan pangkat menjadi Pegawai Ugama — Ugama mulai 1hb Februari, 1979.

Lihat muka 16

# CHILDREN—LEADERS OF TOMORROW

Below is a message from the Deputy Director of Medical Services, Dato Paduka Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin on World Health Day which was observed on April 7.

THE theme of this year's World Health Day is "A Healthy Child A Sure Future". This in the broadest sense covers the physical mental and moral development of the child in order to realise its maximum potential for individuality and creativity for the progress of the nation.

Nearly half of the world's population consists of children under 20 years and priorities should therefore be directed to the continued care and monitoring of their special needs.

In Brunei, organised Maternal and Child Health Services to cover pregnancy, child birth, infancy early childhood and adolescence are fairly well developed and received well by the population at risk.

The rate of acceptance of immunisation against childhood diseases is high resulting in the elimination in the State of dreaded illnesses like whooping cough, diphtheria, poliomyelities, tetanus, tuberculosis and recently measles. Clinic attendances are satisfactory for monitoring of health status of mother and children.

However, people still want to receive Health Care by our health workers without active participation. "Health for all" can only be achieved by community participation. This fact was also emphasised during "Health Week" last year. As part of the learning process children themselves especially those in schools must be taught actively to share in Community Health by finding ways and means of improving it for themselves and their families.

Although risk factors resulting from poor economy, inadequate nutrition and poor environmental conditions are not encountered in our State, risk factors nevertheless exist in the form of ignorance, poor health consciousness and lack of elementary care inspite of invidual counselling in clinics and home.

Diarrhoeas of unknown cause among infants are still common in spite of good sanitation and modern methods of sewage disposal and pipe-borne safe water supply in the State.

The practise of breast feeding has great health significance and contributes to a healthy emotionally adjusted infant. During the period the infant is breast-fed it receives not only the best possible nourishment from mothers milk but also the very important "anti-bodies" which protect the baby against common infections, diseases and Diarrhoea which are caused by bad hygiene and unclean utensils are avoided in breast-fed children.

Unfortunately as a result of the changing society this practice of breast feeding has declined with consequent damaging effects on the child both physically and emotionally.

The weaning period which follows is the most critical period in a child's life. It is then that supplementory foods are introduced. It is also during this period i.e. 4 — 6 months that "protective anti-bodies" from the mothers milk begin to diminish exposing the child to greater risk of infection.

Gastro enteritis during the weaning perioa results from lack of care, when supplementary foods are introduced, or when the diet is unbalanced or insufficient. It is important for mothers to understand that locally available fresh foods are equally, or more nutritious, than imported preserved baby foods. Besides, they are less expensive and freely available.

Caring for the material needs of children should also go hand in hand with children training in basic hygiene and health habits. They must be helped to develop and strengthen religious, cultural and moral values in order to prepare them o be useful members of our society in the future.

While changes in the way of life are inevitable, every family must endeavour to preserve existing valuable practices like breast feeding; and in extended families, must provide the children with love and emotional security for total development, postitive welfare and healthy growth for their responsible role as our Leaders of Tomorrow.

## FUNDS RECEIVE DONATIONS

BANDAR SERI BEGAWAN. —The Welfare, Youth and Sports Department last week received two separate donations amounting to more than one thousand and five hundred dollars.

Of the amount, one thousand eighty four dollars and forty cents was donated by the First Flotilla of the Royal Brunei Malay Regiment in aid of the Disable People's Fund. The money was handed over by the Flotilla's Medical Officer, Major Dr Robertson to the Director of the Department, Pehin Jawatan Luar Perkerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein.

The other sum of five hundred dollars came from the Lions Club of Brunei for the Brunei National Welfare Fund and was handed over by the club president, Mr Jimmy Hong.




THE Britsih Airways 747 Jumbo Jet landed for the first time at the Brunei International Airport on April 3 in place of the VC Ten which flew to Brunei for the last time on Friday March 30.

The Jumbo Jet has four hundred and one seats and takes sixteen and a half hours to reach London from Brunei thus shortening the journey by three hours for the travellers accoustomed to fly by the VC Ten which has one hundred and thirty-seven seats.

The Jumbo Jet arrives in Brunei from London via Bombay every Tuesday on its flight to Australia.

Brunei passengers bound for London can catch it on its return journey from Australia on Saturdays.

## Very important visitors for bureau

BANDAR SERI BEGAWAN. — The British High Commissoner, Mr Arthur Watson accompanied by his wife last Thursday visited the Language and Literature Bureau here.

Mr and Mrs Watson were welcomed on arrival by the Director of the Bureau, Awang Mahmud bin Haji Bakry and other senior officers of the department.

During the visit, they were briefed on the activities and were shown around the various sections of the department.



MR. I. C. Booth, a former suveyor and Brunei's map maker, is seen above looking at the Brunei map he initiated forty-five years ago.

Mr. Booth who is now spending his retirement day in his home country, Australia, returned to Brunei for a three-day visit last month to see the progress and development being achieved by Brunei.

He first came to Brunei in 1934 on secondment from the Malay Peninsula Government (Malaya) where he was then a surveyor to design the map of Brunei.

This picture was taken on the second day of his visit at the Survey Department where he was taken on a tour of every section of the department.

## Over 800 to go on Haj

BANDAR SERI BEGAWAN. — More than eight hundred people have registered to perform the Haj in Mecca this year.

The Religious Affairs Department disclosing this said of this number, six hundred and ninety-seven pilgrims come from the Brunei Muara District, sixty-four from the Belait District, forty-six from the Tutong District and twenty-two from the Temburong District.

## Cross country race

TUTONG — Some five hundred students representing primary, lower and secondary schools throughout the country last week took part in the state-level cross country race.

The race which was divided into the ten sections started and finished at the Muda Hashim Malay Secondary School padang here.

The results were: Batu Apoi Malay School in the Temburong District emerged champions both in the boys' and girls' sections in the primary school division.

In the lower secondary school division, the Amar Pahlawan Preparatory English School was first in the boys' 'A' section while the Muda Hashim Secondary Malay School won the boys' 'B' and 'C' section and girls' 'B' section. The girls' 'A' section was won by the Datu Ahmad Preparatory English School.

In the upper secondary division SOAS College and the Muda Hashim Secondary Malay School emerged victor in the boys' and girls' sections respectively.

The Tutong Assistant District Officer, Pengiran Maidin bin Pengiran Hashim presented the prizes to the winners.



Some of the girls who took part in the cross country race.

## SMJA holds Sports meet

BANDAR SERI BEGAWAN. The SMJA Secondary Malay School here held its thirteenth annual sports meeting at the school padang last week.

The meeting was declared open by the Brunei Muara District Officer, Awang Haji Mohammad Salleh bin Haji Hidup.

Some one hundred students competed in the eighteen track and field events in the meeting which was highlighted by performances by the school band.

The Director of Education, Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat was among the many senior government officials who were present at the meet.

## Nine attend course in Singapore

BANDAR SERI BEGAWAN. — Five probationary police inspectors left for Singapore last week to attend a month-long junior officers' course at the Singapore Police Academy.

They are Wahid bin Yahya, Abdul Khalid bin Abdul Hamid, Awangku Ibrahim bin Yang Amat Mulia Pengiran setia Raja Pengiran Jaya, Mohammad Hatta bin Mohammad Buntar and Awangku Mohammad Salleh bin Pengiran Chuchu.

Four policewomen also attended a week-long special course at the same academy last week.

They were Dayang Armah bte Ampuan Metahir, Dayang Urai binte Tengah, Dayang Rokiah binte Tengah and Dayang Mariah binte Abdullah.

المؤتمر الإسلامي الآسيوي الأول

**oleh2 dari PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA**

OLEH:



HJ. ABD AZIZ [illegible]

# AJARAN BAHAI MENGANJORKAN KEKERASAN

## Siri ke-33

TELAH di-terangkan sa-belum ini, bahawa Bahaism itu, salah satu tujuan utama-nya ia-lah hendak menchiptakan satu kesatuan ugama bagi seluroh dunia, ia-itu ugama bahai. Kerana itu, di-ambil-lah satu sikap mengadakan paksaan kapada orang ramai supaya mengikut ajaran ini. Jika tidak, jika terdapat tentangan oleh mana2 orang, maka penganut2 Bahai ada-lah di-suroh supaya membunoh orang itu (buku *Al-Babiyyah 'Aradz Wa Naqad m.s. 187*).

Pengarang buku tersebut seterus-nya menulis, bahawa Bahaism itu telah di-asaskan atas asas2 yang merosak, membanyakkan benchana di-atas permukaan bumi, membenarkan pembunohan ka-atas orang baik2 dan orang2 yang tidak berdosa, sa-bagaimana juga ia membenarkan penganut2-nya berpegang kapada faham *Al-Ibahiyyah Al-Motlakah* (serba harus) dan serba halal, di-antara-nya, boleh berchampor gaul di-antara lelaki dan perempuan dengan tidak ada sa-barang sekatan atau ikatan2 akhlak dan rohani yang mulia.

Berbanding dengan *Ugama2 Samawiyyah* (ugama2 langit yang di-bawa oleh Rasul2 Allah), yang penoh dengan sifat2 rahmat, tolak ansor dan kaseh sayang, na-sehat dan petunjok. Ugama Islam yang di-bawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. ada-lah melarang sama se-kali apa jua bentok paksaan dalam ugama. Bukan sa-haja paksaan dengan sen-jata, bahkan sa-takat kesat dalam kata2 pun di-larang.

Di-dalam *dustur* Islam, Al-Kor'an berkata, erti-nya: *"Tidak ada paksaan dalam ugama (sebab) telah pun jelas jalan yang benar dari jalan yang salah . . ."* (Al-Baqarah: 256).

Dan berfirman Allah ka-pada Nabi-Nya, erti-nya: *"Ajak-lah mereka kapada jalan Tuhan-mu dengan chara yang bijaksana dan pengajaran yang baik, dan bertukar fikiran-lah dengan mereka menurut chara yang sa-baik2-nya. Sa-sunggoh-nya Tuhan engkau lebeh mengetahui siapa yang ter-sesat jalan, dan siapa pula yang menurut jalan yang benar."* (An-Nahl: 125).

Firman-Nya lagi, erti-nya: *"Engkau terhadap mereka bukan-lah orang yang me-maksa."* (Al-Ghashiah: 22).

*"Dan jika Allah mahu, neschaya semua orang yang ada di-muka bumi ini akan beriman seluroh-nya. Ada-kah engkau hendak me-maksa manusia supaya me-reka menjadi orang2 yang beriman?"* (Yunos: 99).

Dan sa-lain itu banyak lagi ayat2 dalam Al-Kor'an yang menjelaskan dengan terang tentang tegahan me-lakukan paksaan dalam ugama, serta keterangan ba-hawa berlaku dzalim dan aniaya itu haram, walau pun ka-atas golongan yang ber-lainan pendapat dengan ki-ta, mempunyai akidah dan keperchayaan yang berlain-an. Firman Allah dalam Surah Al-Maidah ayat 8, erti-nya:

*"Wahai orang2 yang ber-iman, hendak-lah kamu ber-pendirian lurus, kerana Al-lah itu menjadi saksi bagi keadilan. Dan jangan-lah di-sebabkan oleh keben-chian kamu terhadap sa-suatu kaum, menyebabkan kamu tidak menjalankan keadilan. Berlaku adil-lah, sebab adil itu lebeh dekat kapada taqwa. Dan patoh-lah kapada Allah, sa-sung-goh-nya Allah itu Maha Tahu apa2 yang kamu laku-kan."*

### BAHAI MENUMPAH-KAN DARAH

Di-kota2 mau pun di-kampong2 dalam negeri Iran, ahli2 Al-Bab atau Bahai telah mengadakan tempat2 penyembelihan, untok menumpahkan darah dan membunoh sa-siapa sa-haja yang tidak mahu mengikut ajaran ini, hatta sa-bahagian besar-nya kor-ban2 itu ada-lah terdiri dari kaum keluarga mereka yang dekat. Chuba per-hatikan apa kata salah sa-orang pemimpin Al-Babiy-yah yang bernama *Yahya Ad-Darabi* ini: *"Kira-nya bapa aku sendiri, Ja'afar Ad-Darabi ingkar dengan kelahiran (kedatangan) Ja-lalah Ali Muhammad Ash-Shairazi, maka aku bersum-pah dengan nama Allah akan membunoh-nya de-ngan tangan-ku ini, ia-itu suatu sabil yang amat di-sukai."* (Menurut penga-rang Al-Babiyyah 'Aradz Wa Naqad, kata2 ini di-petek-nya dari *"Noktatul Kaf"* karangan Mirza Jani Al-Kashani Al-Babi (m.s. 122).

Dalam *Makatib Abdul Baha, m.s. 266 Juz 2* pula, Abbas Afandi bin Hussein Ali Al-Mazindrani telah menulis begini: *"Bahawa Ali Muhammad Ash-Shai-razi Al-Bab dan pengikut2-nya ada-lah menganjorkan pembunohan ka-atas semua orang — siapa sahaja — yang tidak menganut ajar-an Al-Bab, maka lalu kata-nya: Pada hari kelahiran (kedatangan) Ali Muham-mad Ash-Shairazi Al-Bab telah di-sebut oleh "Al-Ba-yan" (kitab orang Bahai) supaya sa-tiap tengkok di-pukol, kitab2 dan risalah2 di-bakar, dan orang2 di-bunoh semua-nya kechuali yang mahu beriman dan membenarkan Ali Muham-mad Ash-Shairazi."*

Demikian juga masok da-lam ajaran terpenting Al-Babiyyah atau Bahai itu, supaya hanya dia (Bahaism) sahaja satu2-nya yang ber-hak berdiri di-permukaan bumi ini, sementara lain2 akidah dan shari'ah tidak boleh. Sebab itu, hukuman yang keras harus di-ambil ka-atas penentang2-nya de-ngan merampas harta2 me-reka itu sa-bagai balasan kerana menolak Bahaism. Kata Ash-Shairazi dalam kitab-nya *Al-Bayan*, Bab 5: *"Maka hendak-lah di-am-bil dari milek mereka, ia-itu siapa sahaja yang tidak perchaya kapada Al-Bayan, dan jika mereka itu per-chaya kemudian-nya, balek-kan-lah! Kechuali yang kamu tidak kuasa atas-nya."*

Sikap cheroboh dan ti-dak berperi kemanusiaan ini bukan sahaja yang ber-hubong dengan perkara "nyawa" dan "harta ben-da", bahkan juga meliputi perkara2 yang berkenaan dengan tamaddun dan ilmu pengetahuan, ia-itu satu2-nya yang paling berharga dalam hidup ini, di-sam-ping di-anjorkan peram-pasan kapada harta dan jiwa, Bahaism juga meng-hendaki semua kitab2 Mu-qaddasah (Kitab2 Suchi terutama Al-Kor'an) dan yang bukan muqaddasah supaya di-hapuskan, dan bahkan di-hukum sa-bagai haram apabila melihat atau membacha atau mempela-jari-nya. Kata *Al-Bayan*, Bab 10: *"Tidak harus mempelajari semua kitab, kechuali Al-Bayan."* Kata-nya lagi dalam Bab 18: *"Haram bagi kamu dalam ugama kamu (Bahaism) melihat sa-barang kitab . . . mudah2an kamu mempu-nyai rasa malu dan ber-sopan."*

Hanya kitab Al-Bayan sahaja yang terpakai sa-sudah Al-Kor'an. Demikian anggapan orang2 Bahai, sa-bagaimana di-sebut oleh Hussein Ali Al-Baha di-da-lam *Al-Iqan m.s. 138: "Di-zaman Musa ia-lah At-Taurah, di-zaman 'Isa — Al-Injil, di-zaman Muham-mad — Al-Furqan (Al-Ko-r'an) dan di-zaman Ali Muhammad Al-Bab — Al-Bayan."*

*"Hendak-lah kamu ha-pus tiap2 yang telah kamu tulis, dan berpandu-lah sa-haja dengan Al-Bayan . . ."* (Bab 6 dari Al-Bayan).

*"Telah menjadi hukum menghapuskan semua ki-tab2, kechuali-lah yang aku sendiri mengarang-nya, atau pun kau yang menulis-nya untok tujuan2 itu,"* yakni tujuan menghapus-kan kitab2 (Bab 10 dari Al-Bayan).

Demikian-lah konsep ajaran Al-Babiyyah atau Bahai itu, amat jelas ia-nya bukan-lah satu aliran uga-ma, dan bukan juga satu aliran *ism* yang berlandas-kan kemanusiaan, tetapi sa-balek-nya banyak sabotaj terhadap hak2 kemanusia-an dan tamaddun manusia, yang sa-patut-nya kekal ti-dak boleh di-ganggu-gugat. Al-Babiyyah atau Bahaism tidak berselindong-selin-dong menganjorkan pene-kanan terhadap ugama2 lain, menghalalkan darah sa-siapa saja yang menen-tang-nya, menghanchorkan tamaddun ilmu pengetahu-an yang tidak ada kena mengena dengan-nya (yang menyokong Bahaism), dan menghalalkan segala *al-mu-harramat* yakni perkara2 yang di-haramkan oleh Allah.

Barangkali orang lupa mengapa demikian tegang dan buas sekali ajaran ini? Pada hemat saya jika kita mahu menchari sebab-nya, maka perlu-lah kita teliti puncha asal-nya, ia-itu sa-bagaimana saya telah terangkan ia-nya berasal dari keinginan untok me-mechah-belahkan kesatuan umat Islam oleh suatu kua-sa merah pada masa se-karang — Russia Dan ke-mudian ia di-ambil kesem-patan pula oleh Zionis An-tarabangsa menjadikan-nya sahabat yang akrab (sila li-hat siri ke-31). Atas fak-tor2 ini, kita memahami betapa Bahaism itu bukan-lah ugama, tetapi suatu aliran — hasil dari permai-nan kuasa (*game power*) golongan2 yang ingin hidup atas bangkai orang lain.

Bahaism bukan ugama. Ajaran-nya berbelit-belit, tidak masok akal, ber-changgah dengan fitrah dan banyak khayal. Chon-toh khayal dan khurafat dalam ajaran ini terdapat dalam *Al-Bayan*, antara-nya di-sebut dalam Bab 13 dan 15: *"Bahawa Ali Mu-hammad Ash-Shairazi itu ada-lah Adam dan Adam ia-lah Ali Muhammad Ash-Shairazi, saperti juga ia ada-lah diri Muhammad s.a.w., hanya bedza-nya: Kelahiran-nya pada masa ini — di-Iran — lebeh kuat, lebeh sempurna, lebeh tinggi dan lebeh mulia lagi dari kelahiran-nya di-Me-kah sa-belum 13 kurun yang lampau (dalam bentok ru-pa Muhammad s.a.w.), dan sa-belum 12 ribu tahun dalam bentok rupa Adam a.s."*

Dalam *At-Turath Al-Yunani 237* pula ia berkata dengan le-beh berani: *"Bahawa aku (Ali Muhammad Ash-Shairazi) pada masa Noh ada-lah Noh, pada masa Musa ada-lah Musa, pada masa 'Isa ada-lah 'Isa, pada ma-sa Muhammad ada-lah Muham-mad dan pada masa Ali ada-lah Ali . . . ! Ada-lah aku pada sa-tiap kelahiran-ku menjadi huj-jah atas seluroh alam."*

(BERSAMBONG)



KELIHATAN dari kiri: Awang Alihashim, Awang Haji Ahmad dan YAM Pengiran Setia Raja Pg Jaya serta lain2 pegawai kanan Pulis Diraja Brunei yang menghadhiri upacara peraduan kawat tersebut.

# PERADUAN KAWAT

SA-BANYAK 13 buah pasokan Yunit Kadet Pulis Diraja Brunei yang terdiri dari penuntut2 sekolah menengah dan maktab seluroh negeri telah menyertai peraduan kawat kali kedua yang telah di-langsongkan di-Pusat Latehan Pulis Diraja di-Jalan Muara.

Peraduan tersebut sempena ulang tahun kedua Kadet Pulis Diraja Brunei di-rasmikan oleh YAM Pengiran Setia Raja Pg Jaya bin Pg Haji Rajid, Pesurohjaya Pulis Diraja Brunei dengan memereksa perbarisan kehormatan.

Dalam peraduan itu yang berlangsong hari Ahad, 1hb April lepas pasokan kadet dari STPRI telah munchol buat kali kedua sa-telah berjaya buat kali pertama tahun lalu.

Tempat kedua di-menangi oleh pasokan kadet dari Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan dan ketiga dari Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait.

Johan pasokan di-peraduan itu telah menerima hadiah piala rebutan yang didermakan oleh Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Pengarah Pelajaran Brunei




yang juga turut menyaksikan pera tersebut.

YAM Pengiran Setia Raja Pg kemudian-nya telah menyampaikan diah2 kapada peserta2 yang berjaya akhir peraduan yang juga turut di-s kan oleh pegawai2 kanan Jabatan jaran dan Pulis Diraja.



PASOKAN kadet SPTRI beraksi dengan tangkas di-peraduan itu.



YAM Pengiran Setia Raja ketika memereksa perbarisan dari pasokan2 kadet yang ambil bahagian.




INI-LAH sa-bahagian dari land rover dan lori tentera yang terlibat dalam peraduan itu.



PASOKAN kadet STPRI johan peraduan kawat kadet Pulis Diraja Brunei berserta kejohanan mereka.

# PERADUAN KEMAHIRAN MEMANDU

HAMPIR 50 orang pemandu dari sembilan yunit Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah menyertai peraduan kemahiran memandu sa-lama tiga hari bermula pada 4hb hingga 6hb April lepas.

Peraduan itu mengandongi ujian2 lalu-lintas, membacha peta, pertolongan chemas serta memelihara dan membaiki kenderaan telah di-langsongkan di-padang kawat Perkhemahan Berakas.

Peraduan itu juga terbahagi kapada dua bahagian kejohanan ia-itu bahagian yunit2 terbesar dan bahagian yunit2 kechil. Ianya melibatkan peraduan memandu dengan land rover dan lori tentera.

Johan dalam bahagian yunit terbesar di-menangi oleh Battalion Pertama manakala yunit kechil di-menangi oleh Pasokan Perisai Peninjau.

Sementara johan2 perseorangan bahagian memandu land rover johan di-menangi oleh Kopral Jarai, kedua L/Kopral Omar dan ketiga perajurit Md Niah semua-nya dari Battalion Pertama.

Dalam bahagian memandu lori johan di-menangi oleh Kopral Bakar, kedua L/Kopral Ak Hassan kedua-dua-nya dari Markas Pasokan dan ketiga Kopral Besar dari Battalion Pertama.

Hadiah2 di-sampaikan oleh Lt. Kol. R. A. Preddy, Pegawai Turus Satu AMDB.



KELIHATAN sa-bahagian dari peserta sedang menguji kechekapan mereka bacha peta di-peraduan itu.

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikir-kan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 11HB APRIL,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN

5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.58 SUSUNAN RANCHANGAN

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 STAR TREK — "Bread and Circuses"

6.32 AZAN MAGHRIB

6.36 STAR TREK — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 THE PAPER CHASE

7.44 AZAN ISHA

7.48 THE PAPER CHASE — sambongan

8.00 DR IN CHARGE — "Watch Out There Is a Thief About"

8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU

8.45 MAJALLAH BRUNEI

9.05 SHIRLEY BASSEY

9.55 F.A. SOCCER

10.45 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 12HB APRIL,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN

5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.58 SUSUNAN RANCHANGAN

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 BIG BLUE MARBLE

6.30 DR WHO — "Terror of the Zygons" Dr Who mendapati bahawa ini ada-lah kerja satu bangsa asing the Zygons yang tinggal di-pendalaman Loch Ness. Senjata mereka merupa-kan gergasi besar yang hampir2 me-musnahkan-nya, tetapi ranchangan2 Zygons di-musnahkan oleh Doktor Who dengan bantuan rakan2 dan yunit-nya.

6.32 AZAN MAGHRIB

6.36 DR WHO — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 THE BIG VALLEY — "Judgement In Heaven" Jarrod mengundang teman wanita sa-orang penjahat untok berchuti keris-mas dengan keluarga Barkley. Sega-la2-nya kelihatan berjalan dengan ja-ya-nya, hingga-lah teman lelaki wanita itu tiba dan mengancham untok membunoh Jarrod.

7.44 AZAN ISHA

7.48 THE BIG VALLEY — sambongan

8.00 HIDAYAT

8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU

8.45 DOKUMENTARI MELAYU : Audubon Wildlife Theatre "Laut, Ais dan Api". Filem berwarna-warni yang menarek ini di-gambarkan di-Iceland memper-kenalkan pendudok2, binatang2 liar dan keistemewaan2 yang penoh de-ngan keaslian di-sini.

9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU

11.15 SIARAN TAMAT.



DEBRA Clinger (kiri) dan Priscilla Barnes (kanan) berlakun sa-bagai pemberita2 yang mengembara untok berita2 majallah TV yang akan di-temui dalam siri American Girls yang minggu ini kesah-nya berjudol "The Beautiful People Jungle".

## JUMAAT — 13HB APRIL,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN

5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.28 SUSUNAN RANCHANGAN

5.30 THE FLOWER STORIES — "Sad Dragon"

5.45 CLOPPA CASTLE — "A Cuckoo Clock"

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG

6.30 THE FAMOUS FIVE — "Smugglers Top" — Bahagian kedua.

6.32 AZAN MAGHRIB

6.36 THE FAMOUS FIVE — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 CELEBRITY CHALLENGE OF THE SEXES

7.44 AZAN ISHA

7.48 CELEBRITY CHALLENGE OF THE SEXES — sambongan

8.00 MORK AND MINDY — "Mork Seduction" Susan Taylor yang menggiorkan ber-temu Mork di-Music Store. Susan mengundang Mork untok makan ma-lam di-tempat-nya — tanpa menyedari bahawa Mork berada dalam bahaya api keramat yang menandakan ketiba-an Volgar the Enforcer on planet Ork.

8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU

8.45 ASIAN AMATEUR SINGING CONTEST REGIONAL FINAL

10.00 QUINCY

10.50 PERLAWANAN GUSTI

11.50 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 14HB APRIL,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN

5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.28 SUSUNAN RANCHANGAN

5.30 THE ADVENTURE OF GULLIVER — "The Capture"

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 SESAME STREET

6.32 AZAN MAGHRIB

6.36 SESAME STREET — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 DALLAS — "Kidnapped"

7.44 AZAN ISHA

7.48 DALLAS — sambongan

8.00 TAHU-KAH AWDA

8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU

8.45 MAJALLAH BRUNEI

9.02 STARSKY AND HUTCH — "Satan's Witches"

9.55 F.A. CUP SOCCER

10.45 TAYANGAN MALAM SABTU — "A Tree Grows In Brooklyn"

12.15 SIARAN TAMAT.

## AHAD — 15HB APRIL,

PETANG

5.15 PEMBUKAAN

5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.28 SUSUNAN RANCHANGAN

5.30 CHOMAT DAN CHOMEL — "Padang Pasir"

5.45 OSCAR THE RABBIT IN RUBBIDGE — "The Spook"

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 HOW

6.30 SOLDIER AND ME — "Jump"

6.32 AZAN MAGHRIB

6.36 SOLDIER AND ME — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 RETURN OF THE SAINT — "The Arrangement" The Saint menyedari bahawa hanya Sir Trevor yang dapat mengambil langkah2 yang di-perlukan untok menghadapi kegilaan Greer. Drama ini tiba pada punchak-nya apabila ia menyedari bahawa ia terpaksa me-nyelamatkan Sir Trevor dari ke-berangan isteri-nya.

7.44 AZAN ISHA

7.48 RETURN OF THE SAINT — sambongan

8.00 WKRP IN CINCINNATI — "Goodbye Johnny" Apabila Johnny Fever di-tawarkan jawatan yang lebeh baik dan bercha-dang untok meninggalkan WKRP, pengurus steshen Arthur Carlson mereka-reka satu chara supaya ia tidak akan bertukar kerja.

8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU

8.45 MUTIKA FINAL

10.35 THAT'S HOLLYWOOD — "A Tribute to Irving Berlin"

11.05 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 16HB APRIL,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN

5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.58 SUSUNAN RANCHANGAN



AWDA tentu telah mengenali John Houseman (gambar atas) yang berlakun sa-bagai Professor Kingsfield, sa-orang professor undang2 yang berwatak tegas siapa yang mengendalikan sa-buah kelas penuntut undang2 tahun satu.
Siri drama "The Paper Chase" akan dapat di-saksikan tayangan-nya saperti biasa pada hari Rabu 11hb April, jam 7.10 malam.



CHARLENE Tilton yang dalam siri 'Dallas" berlakun sa-bagai Lucy Ewing, chuchu kapada Jock Ewing dan anak saudara ... pada Bobby yang berpengaroh.
Saksikan-lah siri Dallas minggu ini yang berjudol "Kidnapped", akan dapat di-saksikan pada hari Sabtu, jam 7.10 malam.

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 MAYA — "The Treasure Temple"

6.31 AZAN MAGHRIB

6.35 MAYA — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 CHARLIE'S ANGELS

7.43 AZAN ISHA

7.47 CHARLIE'S ANGELS — sambongan

8.00 DESA MEMBANGUN

8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU

8.45 MAJALLAH BRUNEI

9.05 MALAYSIA CUP : Brunei vs. Penang

9.35 HAWAII FIVE O — "Dairy of a Gun"

10.25 WILDE ALLIANCE

11.15 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 17HB APRIL,

PETANG

5.45 PEMBUKAAN

5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA

5.58 SUSUNAN RANCHANGAN

6.00 RENGKASAN BERITA

6.02 SESAME STREET

6.31 AZAN MAGHRIB

6.35 SESAME STREET — sambongan

6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.10 AMERICAN GIRLS. "The Beautiful People Jungle"

7.43 AZAN ISHA

7.47 AMERICAN GIRLS — sambongan

8.00 SERIKANDI

8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU

8.45 ARENA SOKAN MALAYSIA CUP — "Brunei vs Kedah"

9.25 DOCUMENTARY — "A Case of Missing Mummy"

9.55 THE SANDBAGGERS. "Is Your Journey Really Necessary"

10.45 SIARAN TAMAT.

# SIAPA JUARA MUTIKA '79?



Arrifien Md Taib



Ak Osman bin Pg Damit



Tuminam Timbang



M. Nordin



Haslinda Md Taib



Abdul Rahman Haji Tuah



Rokaini Haji Talip



Goh Choi Ching



Fatimah Haji Md Salleh



Kong Tze Hing



Zaiton Md Ali



Amedun Md Yassin

MINGGU depan akan dapat-lah kita menentukan siapa Juara Mutika, 79. Maseh kita rasakan gema dari pertandingan2 suku akhir dan separoh akhir dulu, kini gema itu kian memunchak lagi, apa bila sa-ramai lima orang peserta wanita, dan tujoh orang peserta lelaki, akan bertarong untok merebut Juara dalam pertandingan akhir yang akan berlangsong di-Dewan Raya RTB pada hari Ahad, 15hb April.

Siapa-kah di-antara 12 jagoh seni suara tempatan ini yang mengundol Oskar Mutika ? Jawapan-nya maseh lagi di-awang2, kerana pertarongan belum selesai, pertandingan belum habis, bak kata pepatah, kini perahu sudah di-ayer pengayoh maseh di-tangan, chuma saat mendayong belum berlaku.

Siapa Juara? ada-kah nanti hanya terdiri dari salah sa-orang peserta wanita? ataupun, mungkin terdiri dari salah sa-orang peserta lelaki? Maseh dalam kegelapan, kita maseh lagi meraba-raba di-antara 12 orang peserta "finalis" itu. Barisan peserta wanita, terdiri dari Rokaini Haji Talip, Haslinda Mohd Taib, Tuminam Timbang, Zaiton Mohd Ali, dan Fatimah Haji Md Salleh. Manakala barisan peserta lelaki pula terdiri dari Goh Choi Ching, Abdul Rahman Haji Tuah, Arrifien Mohd Taib, Kong Tze Hing, M. Nordin, Awangku Osman Pg Damit dan Amedun Md Yassin.

Pancharagam yang akan mengiringi para peserta dalam pertandingan akhir ini, terdiri dari gabongan pancharagam Perdana, Puspa Nada, dan Seri Wana Kombo, tiga buah pancharagam ini akan di-satukan sa-bagai sa-buah okestra. Tentu-lah tidak semua ahli2 pancharagam dari ketiga2 tadi, di-pileh untok mengiringinya, tetapi hanya di-ambil sabahagian para ahli-nya, yang difikirkan sesuai untok di-gabongkan. Awang Idris Muhammad, pemimpin Orkes Perdana, telah di-tunjok selaku Pengarah dalam gabongan pancharagam ini.

Dalam pertandingan akhir ini, semua para peserta di-bebaskan memileh lagu kegemaran mereka, kalau dalam pertandingan suku akhir dan separoh akhir dulu, satiap peserta membawakan dua buah lagu, dan satu lagu Melayu sa-bagai lagu wajib, tetapi dalam pertandingan akhir ini, peserta di-bolehkan memileh lagu kegemaran mereka, sama ada sa-buah lagu atau dua buah lagu yang di-sambongkan (medley) tetapi masanya hendak-lah tidak lebeh dari lima minit.

Juara dan Naib Juara Mutika, 79, selain dari menerima hadiah yang lumayan dari Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, juga akan dibawa ka-Hong Kong, sa-bagai wakil Negeri Brunei, dalam pertandingan nyanyian Amator Asia, yang di-jangka akan berlangsong dalam pertengahan bulan Mei depan.

Oskar rebutan, kornia dari Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, ia-itu lambang Mutika, akan di-pegang oleh Juara tahun ini, sa-hingga tahun depan, di-mana nanti siri pertandingan Mutika 1980 akan di-adakan. Ini bererti Oskar itu, hanya akan berada ditangan Juara Mutika, 79 sa-lama satu tahun.

Kerajaan telah memberikan peruntokkan hadiah kapada para peserta di-pertandingan akhir nanti ia-itu:

Juara Mutika, 79 akan menerima hadiah wang tunai, $1,500.00; Naib Juara akan menerima $1,000.00; Pemenang ketiga akan menerima $750.00; dan lain2 peserta dalam pertandingan akhir ini akan menerima hadiah sagu hati, sa-banyak $200.00 tiap sa-orang. Ada-lah di-jangka Yang Dimuliakan Dayang2 Diraja Datin Paduka Seri Rosnah bte Abdullah, iaitu isteri kapada Yang Teramat Berhormat Penasehat Umom Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, akan menyampaikan hadiah2 kapada para peserta.

Kapada para peserta yang berjaya, yang nanti akan menvandang sa-bagai Juara dan Naib Juara, dan yang ketiga, RTB ingin lebeh dulu menguchapkan shabas dan tahniah yang setinggi2-nya, dan kapada yang kurang bernasib baik, jangan-lah berputus asa, chuba lagi di-masa2 yang akan datang.



'HELLO Siapa Di-Sana?' sa-buah ranchangan kegemaran muda-mudi yang di-kendalikan di-studio RTB, kelihatan Penerbit Ranchangan, Dayang Helen Thu (berdiri) sedang mengawasi kerja2 penerbitan-nya.

## THE SANDBAGGERS—"Is Your Journey Really Necessary"

SA-ORANG ahli 'Sandbagger' berjalan terhuyong-hayang menyeberangi belukar yang semak dalam keadaan perchubaan yang penoh dengan penderitaan untok menchapai keselamatan di-perbatasan Russia-Iran sa-belum pehak pulis yang berjaga disitu menghampiri-nya.

Perbatasan itu sekarang ternyata nampak di-lihat dan sudah nyata hampir, tapi bagi Jake Landy sa-orang yang luka, ini boleh menjadi beribu2 batu jauh-nya, dalam "Is Your Journey Really Necessary?"

Landy berdiri, tangan-nya di-angkat di-atas paras kepalanya dan tundok ketika pengawal2 itu mengelilingi-nya.

Sa-telah itu, ketika dia melihat ka-perbatasan, satu tembakan meletup dan 'Sandbagger' jatoh tersungkur ka-tanah di-kaki penangkap2-nya.

Di-perbatasan yang berlawanan dengan perbatasan tadi, sahabat Landy, Alan Denson perlahan2 menurunkan senapang-nya dan dalam keadaan sedeh menuju ka-haluan lain. Perentah2 dari ketua-nya Neil Burnside, Pengarah Operasi, telah pun diturutі-nya.

Kematian Landy ada-lah menjadi puncha masaalah2 dimasa depan untok Burnside... satu operasi yang melanggar kedaulatan bangsa lain tidak boleh di-jalankan tanpa pengesahan terlebeh dahulu dari Perdana Menteri ... siapa yang tidak pernah lepas dari alam politik.

Tapi ada lagi fikiran2 yang lain yang memeningkan untok Burnside membuat pertimbangan bila Ketua Steshen Paris melaporkan peristewa hubongan sa-sama jenis berlaku di-antara Setiausaha Pertama di-Kedutaan British disana dan sa-orang pemuda Peranchis yang muda.

Lebeh memburokan lagi, Setiausaha Pertama ini ia-lah saudara kandong kapada Andrew Romney, yang sedang memegang jawatan Chansellor dan boleh jadi akan memegang jawatan Perdana Menteri.

Kesah ini akan dapat Awda ikut dalam siri "The Sandbaggers" dalam cherita "Is Your Journey Really Necessary" yang akan di-tayangkan pada hari Selasa jam 9.55 malam.

## Tayangan Malam Sabtu

JOHNNY Nolan, yang dilakunkan oleh Cliff Robertson, sa-orang yang tidak bertanggong-jawab tetapi sa-orang suami dan ayah yang penyayang kapada isteri-nya Katie yang di-lakunkan oleh Diane Baker, dan dua orang anak mereka.

Dia gemar meminum minuman keras dan kali terakhir dia berbuat begitu di-sudahi dengan keadaan yang memilukan bila Johnny mati. Tidak lama sa-lepas itu, Katie melahirkan anak yang kedua dan terpaksa menyelesaikan masaalah untok menanggong sara hidup keluarga-nya.

Nasib-nya sama saperti kayu yang terdapat di-belakang rumah mereka yang tidak diindahkan dan telah di-lupakan. Perjuangan-nya ini menunjokan satu sifat keberanian dan berakhir dengan sa-suatu yang memilukan dan keadaan yang sentimental.





# Perlawanan liga bolasepak kali kelima bagi Daerah Belait

KUALA BELAIT.— Persatuan Bolasepak Amator Daerah Belait—BDAFA— akan menganjorkan perlawanan liga bolasepak kali yang kelima yang akan bermula bulan ini.

Perlawanan hanya terbuka kapada kelab2, persatuan2 belia dan kebajikan, jabatan2 Kerajaan, badan2 swasta/firma di-Daerah Belait yang sah pendaftaran-nya di-sisi Undang2 Pendaftaran Persekutuan Negeri Brunei.

Perlawanan akan di-bahagikan kapada tiga bahagian ia-itu Bahagian Satu bagi merebut Piala Chung Pah Hing; Bahagian Dua dan Bahagian Tiga. Perlawanan itu akan di-jalankan sa-chara liga — satu pusingan (one round league system).

Johan dan naib-johan tiap2 Bahagian akan layak bertanding bagi merebut kejohanan Liga Bolasepak Daerah Belait—untok merebut piala pusingan yang di-hadiahkan oleh Pengiran Alihassan bin Pg Dato Seri Laila Jasa Haji Abas.

Borang2 masok bertanding dan lain2 sharat2 perlawanan boleh di-dapati dari Awang Ismail bin Apong di-Pejabat Kebajikan, Belia dan Sokan, Kuala Belait; Awang Md Salleh bin Metassan, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Kuala Belait dan Awang Ibrahim bin Metussin, SES/21, BSP Co. Ltd., Seria.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada Naib Yang Dipertua (Perlawanan), BDAFA, Awang Ismail bin Apong, di-Pejabat Kebajikan, Belia dan Sokan atau Rumah No. 47, Jalan Bendahara Kuala Belait tidak lewat dari 18hb April, 1979. Borang2 yang lewat di-terima dari tarikh itu tidak akan di-layan.

## Mashuarat Agong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mashuarat Agong Sharikat Kerjasama Kakitangan Kerajaan Daerah Brunei-Muara akan di-adakan pada hari Ahad 22hb April bertempat di-Pusat Belia mulai jam 9.00 pagi.

Mashuarat itu antara lain akan membinchang dan meluluskan Tambahan Peratoran serta mempersetujui pendaftaran sharikat itu serta melantek ahli2 jawatankuasa tertinggi 1979/1980.

Semua kakitangan Kerajaan di-Daerah Brunei-Muara ada-lah di-jemput menghadhiri mashuarat tersebut.

## Perlawanan chator

PEKAN TUTONG. — Badan Sementara Chator Tutong sedang menganjorkan Peraduan Chator Perseorangan yang hanya terbuka kapada peserta di-Daerah Tutong.

Peraduan yang di-jalankan sa-chara sistem 'Swiss 9 pusingan' itu telah di-mulakan pada 16hb Mach dan akan berakhir pada 13hb April ini.

Peraduan yang julong2 kali-nya di-adakan di-daerah itu ia-lah bagi merebut piala yang di-hadiahkan oleh Awang Abd Rahman bin Abd Kani.

Peraduan akhir akan di-adakan di-Dewan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah pada 13hb April mulai jam 8.00 pagi.

*"PENDIDEKAN KANAK-KANAK ASAS KEMAJUAN NEGARA"*

*Thema HARI PELAJAR TAHUN 1979*

*Sempena*

*Tahun Kanak-Kanak Antarabangsa*

**PENGARAH Kebajikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awg Haji Hussein telah menerima dua keping chek yang berjumlah $1,584.00.**

**Askar Melayu Diraja Brunei telah mendermakan sa-jumlah $1,084.00 untok Tabong Orang2 Chachat sementara Kelab Lions Bandar Seri Begawan sa-jumlah $500.00 untok Tabong Badan Kebajikan Kebangsaan Brunei.**

**Derma2 tersebut telah di-sampaikan kapada Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan dalam dua majlis yang berasingan di-pejabat beliau pada hari Khamis lalu.**

**Derma dari Askar Melayu Diraja Brunei telah di-sampaikan oleh Pegawai Perubatan Flotilla Dr Major Robertson (gambar atas kiri) dan di-saksikan oleh Major Shahri bin Haji Ali, WO2 Green dan WO2 Furmidge. Wang tersebut ada-lah hasil kutipan daripada Pertunjokan Malam Kebudayaan British yang di-adakan di-Muara pada tahun lepas.**

**Sementara derma dari Kelab Lions di-sampaikan oleh Yang Dipertua Kelab tersebut Awang Jimmy Hong dan di-saksikan oleh Awang Robert Koh (gambar atas kanan).**

## Kursus Asas bagi "Wood Badge"

BANDAR SERI BEGAWAN.—Persekutuan Pengakap Negeri Brunei akan menganjorkan Kursus Asas bagi Wood Badge Bahagian Pengakap Serigala hujong bulan ini. Kursus dua hari itu akan bermula pada 28hb April dan akan di-adakan di-Perkhemahan Pengakap Gadong.

Kursus ini ada-lah terbuka kapada pemimpin2 Pengakap Serigala dan Pengakap Venture di-seluroh negeri.

Borang2 untok menyertai kursus tersebut boleh di-dapati daripada Pesurohjaya2 Pengakap Daerah Brunei-Muara, Tutong, Belait dan Temburong. Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kapada Pesurohjaya Latehan Pengakap tidak lewat dari 20hb April, 1979.

**SA-RAMAI 26 orang ahli Kelab Sejarah Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong telah melakukan lawatan ka-Pangkalan Angkatan Laut Pertama Askar Melayu Diraja Brunei di-Muara pada hari Jumaat lalu.**

**Ketibaan rombongan di-sambut dan kemudian-nya di-beri taklimat oleh Pehin Major Kifli, bagi pehak Pegawai Memerentah Flotilla itu.**

**Kemudian mereka di-bawa melawat2 di-pangkalan tersebut dan berpeluang menaiki dua buah kapal ronda pasokan itu.**

**Gambar bawah kelihatan penuntut2 itu ketika menaiki salah sa-buah kapal ronda.**



## Penyampaian tali pinggang Judo

JALAN MUARA. — Timbalan Pesurohjaya Pulis, Dato Paduka Seri Laila Jasa C. T. Miller akan menyampaikan tali2 pinggang Judo dan sijil kapada 64 orang dalam satu majlis penyampaian yang akan di-adakan di-Dewan Jasmani Pusat Latehan Pulis, di-sini pada 14hb April.

Penerima2 tali2 pinggang dan sijil2 Judo itu ada-lah terdiri dari rekrut2 bagi kursus yang kelima 1978; anggota pulis bagi Kursus Mata2 kali kedua 1979 dan 14 orang Kopral dan Sarjan yang telah mengikuti Kursus Kopral/Sarjan.

Dalam majlis yang sama, Dato Miller juga akan menyampaikan hadiah2 kapada pelateh2 yang terbaik dalam Kursus Rekrut kali kelima 1978 yang akan menamatkan latehan mereka pada hari itu.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SA-BAGAI PEMANDU PELANCHONG

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sebagai Pemandu Pelanchong di-Pejabat Setia Usaha Kerajaan, di-bahagian Lembaga Kemajuan Ekonomi, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Pemohon2 mesti-lah menchapai sekurang2-nya Tingkatan V Inggeris.
b) Pemohon mesti-lah faseh bertutor dalam bahasa Melayu dan Inggeris.
c) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam memandu pelanchong atau di-dalam bidang pengembaraan pelanchongan.
d) Pemohon2 mesti-lah terdiri dari raayat atau berkelayakan untok menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan.
e) Pemohon2 mesti-lah memileki keperibadian yang baik.
f) Chalon2 akan di-berikan ujian bertulis dan lisan mengenai dengan pelanchongan dan pengetahuan 'am tentang negeri Brunei.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D. 1-2-3 EB 4-5 — $370-383-395-408-421-434-446-465-485-504 - 523 - 542 - 561-625-657-689-720 - 752 - 784/ EB / 854-880-905-931-956 - 982 - 1007-1046-1071-1097-1122. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 23hb Mei, 1979.

(E/383/79 — Bil: 60/1979)

## Sa-bagai Jurujentera Tingkatan Khas

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Jurujentera Tingkatan Khas di-Chawangan Laut, Pasokan Pulis Diraja Brunei

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

City & Guilds Diploma in Mechanical Engineering atau kelulusan yang sebandnig dengan-nya, dan telah tamat latehan apprentice dalam bidang yang berkenaan selama 5 tahun dan mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman sesudah itu.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji D.4 EB.5 — $ 854-880-905-931-956 - 982 - 1007/EB/1046-1071-1097-1122.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 14hb Mei, 1979.

(E/1894/77 — Bil: 52/1979)

## TENDER NOTICE

### PROPOSED COMPLETION OF THE PARTIALLY COMPLETED 30-METRE RANGE AT BOLKIAH CAMP

1 TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Government Offices, Bandar Seri Begawan from registered Class "AX" contractors and above, up to 12 noon on Tuesday, 24th April, 1979 for:—

THE PROPOSED COMPLETION OF THE PARTIALLY COMPLETED 30-METRE RANGE AT BOLKIAH CAMP, BANDAR SERI BEGAWAN.

2 Tenders received after 12.00 noon, Tuesday 24th April 1979 will be rejected.

3 Tenders shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name and address of the Tenderer and shall be marked clearly "TENDER FOR THE PROPOSED COMPLETION OF THE PARTIALLY COMPLETED 30-METRE RANGE AT BOLKIAH CAMP, BANDAR SERI BEGAWAN."

4 Tender documents can be obtained from the office of M/s Ho Kwong Yew dan Anak2 Akitek2, Chartered Architects, 406 Bangunan Guru2 Melayu, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan during normal office hours, on a deposit of $300.00 which will be refunded to each unsuccessful Tenderer upon the receipt of a "bona fide" tender and the return of tender documents and drawings.

5 The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any ender.

Ho Kwong Yew dan
Anak2 Akitek2
P. O. Box 523
Bandar Seri Begawan
State of Brunei.

## TENDER NOTICE

### SOIL INVESTIGATION FOR PROPOSED PENANJONG CANTONMENTS

TENDERS will be received by the Chairman of Brunei Tenders Board from Soil Investigation and Drilling firms up to 12.00 noon, 24th April 1979 for:—

SOIL INVESTIGATION FOR PROPOSED PENANJONG CANTONMENT.

Tender document can be obtained from M/s Associated Consultants Private Limited, Rooms 27-29, Hongkong Bank Chambers, Bandar Seri Begawan from 12th April 1979 onwards during normal office hours on payment of a Tender Deposit of B$200.00 which will be refundable to all unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide tender and the return of all documents and drawings.

The tender documents all properly filled in and signed shall be enclosed in a sealed envelope addressed to the Chairman, Tenders Board Brunei and prominently marked in the top left hand corner:—

Tender for:—

SOIL INVESTIGATION FOR PROPOSED PENANJONG CANTONMENTS

and deliver to reach:
The Chairman,
Tenders Board, Brunei,
Secretariat Building,
Bandar Seri Begawan.

Not later than 12.00 noon, on Tuesday 24th April, 1979.

The Government of Brunei does not bound to accept the lowest or any tender.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class "A" Contractors up to 12.00 noon, Tuesday 17th April 1979 for the

EXECUTION OF BUILDING AND CIVIL ENGINEERING WORKS UNDER TERM CONTRACT AT ESTABLISHMENTS MAINTAINED BY THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT AT BERAKAS AND BOLKIAH.

2. Tenders received after 12.00 noon, Tuesday 17th April 1979 will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name and address of the Tenderer.

4. Tender Documents may be examined at and obtained from the office of Frank & Vargeson, Chartered Quantity Surveyors, Third Floor, Wisma Hajjah Fatimah, 22-23 Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan at any time during normal office hours.

5. The Tender Deposit shall be $500.00 which will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide Tender.

6. Tenders shall be submitted only on the Form of Tender provided.

7. The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest or any Tender.

## Jawatan2 Kosong di-Sharikat Swasta

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat DYMM Sultan dan berkelayakan untok memenohi jawatan kosong yang tersebut di-bawah ini:—

**Majikan :**

STEPHEN LIEW & CO.

**Jawatan :**

i) Carriers
ii) Cablemen
iii) Polemen
iv) Assistant to shooters
v) Watchmen
vi) Camp builders
vii) Platform carriers and
viii) General foremen.

**Gaji :**

$11.40—$20.10 sa-hari.

**Faedah2 Yang Lain :**

i) Chuti tahunan 14 hari
ii) Kemudahan2 saperti perubatan, perumahan dan kenderaan di-sediakan.

**Keterangan Lanjutan**

Semua pekerja2 akan di-Kem sementara di-Sungai Tali, Seria di-mana kenderaan akan menghantar ka-tempat2 kerja sa-bagaimana yang akan di-arahkan oleh Seismograph Service Limited.

Kapada pemohon2 yang ingin untok memenohi jawatan2 yang tersebut di-atas ada-lah dengan ini menghantar surat permohonan bertulis dengan memberikan butir2 mengenai umor, keraayatan, pengalaman bekerja dan di-sertakan gambar size pasport baharu dan permohonan ini hendak-lah di-hantar ka-Pejabat Buroh, Bandar Seri Begawan, Brunei.

## TENDER NOTICE

### NEW GENERAL HOSPITAL, FIRE PROTECTION SYSTEM, WARD BLOCK GROUP, KIULAP

SPECIALIST Firms and Local Agents of Manufacturer of Fire Protection System are invited to submit tender for the complete supply and installation of "Fire Protection System, New General Hospital, Ward Blocks, Kiulap"

Tender document can be obtained from the office of Messrs. Leeng Consulting Engineers, No. 207 Lot 5440, Shophouse Complex, Mile 1¼, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Brunei from 6th April, 1979 onwards during normal office hours. The tender deposit of $500.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender and the return of documents and drawings.

Tender must be submitted on the provided Tender Form and must reach the office of the Chairman, Tenders Board, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei not later than 12.00 noon, 24th April, 1979. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

Tender shall be enclosed in a plain sealed enveloped marked :—

TENDER FOR FIRE PROTECTION SYSTEM, NEW GENERAL HOSPITAL — WARD BLOCKS, KIULAP.

Our clients, the Government of Brunei, do not bind themselves to accept the lowest or any tender.

## NOTIS TAWARAN

TAWARAN2 ada-lah di-jemput bagi menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis2 (night-soil) sa-banyak 274 tong di-dalam kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan 299 tong di-dalam kawasan Lembaga Bandaran Seria pada sebelah malam bagi enam bulan (Julai hingga Disember, 1979).

2. Tawaran2 mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah Bangunan Pejabat2, Bandar Seri Begawan, sa-hingga jam 4.00 petang pada hari Khamis, 3hb Mei, 1979. Tawaran2 yang di-terima sa-sudah tarikh atau waktu ini akan di-tolak.

3. Tawaran2 mesti-lah di-masokan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutop. Maka di-muka sampol itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

4. Sampol2 surat itu mesti-lah di-alamatkan kapada Pengerusi, Lembaga Tawaran (alamat penoh saperti di-terangkan di-fasal 2).

5. Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat itu dan perkataan-nya mesti-lah "PEKERJAAN MENGANGKAT DAN MEMBUANG NAJIS DI-DALAM KAWASAN2 LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA". Tawaran2 yang di-terima dalam sampol2 surat yang tidak di-alamatkan dengan betul akan di-tolak.

6. Surat perjanjian mengandongi 'peratoran2 atas menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis, dapat di-lihat di-Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait pada bila2 masa bekerja.

7. Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang sa-habis rendah atau sebarang tawaran.

8. Dua buah kenderaan khas dengan dua pemandu akan di-sediakan oleh Jabatan Lembaga Bandaran Belait, untok melaksanakan pekerjaan mengangkat dan membuang najis itu dengan tidak di-kenakan apa2 bayaran.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS are invited to carry out disinfestation and de ratting Offshore Squadron 1st Flotilla, Royal Brunei Malay Regiment for a period of one year. The Squadron comprises the following craft:

a. OPERATIONAL
   3 x MPB
   3 x FPB
   2 x LC
   1 x Workboat
b. NON-OPERATIONAL
   1 x MPB
   3 x CPB
   3 x Riverine Craft

2. All boats will require disinfestation in a six weekly cycle. The operational boats require de ratting on a three monthly cycle. Non-operational boats require de ratting on a monthly cycle.

3. It is acceptable to use the more Toxic agents on the non-operational craft. Enquiries can be made to DAQMG 2, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Camp.

4. Tender will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei at 4.00 p.m., Saturday, 21st April, 1979.

5. Tenders must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The envelope should endorsed: "DISINFESTATION AND DE RATTING OFFSHORE SQUADRON 1ST. FLOTILLA, ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT."

## Sa-bagai Guru Ugama Terlateh

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai Guru Ugama Terlateh di-Askar Melayu Diraja Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman :**

a) Mesti-lah berumor tidak kurang dari 25 tahun.
b) Pemohon2 mesti-lah lulus Kelas Khas (Takhassus) dari Sekolah Arab Al-Juned Singapura atau lulus Darjah Khas Sekolah Ugama Kerajaan Johor atau sebanding dengan salah satu kelulusan tersebut di-atas.
c) Hendak-lah mempunyai pengalaman mengajar tidak kurang dari 3 tahun dan berpengalaman juga sa-bagai Imam di-Masjid2.
d) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang berpengalaman dalam mengajar Al-Kor'an serta boleh membacha dengan berlagu, boleh membacha berzanji merhaban serta bertahlil dengan baik.

**Gaji :**

Dalam sukatan gaji :—

a) T.2 — B$421-434-446-459-472-491-510-529-548 - 567-587-650-682-714-746 - 778-810-880-905-931-956 - 982-1007/EB/1046-1071-1097-1122.

ATAU

b) T.7 — B$746-778-810-880-905-931 - 956 - 982 - 1007 - 1033-1071-1097-1135/EB/ 1173-1211-1250-1301-1352-1377-1403-1428-1454-1479.

Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman. Chalon2 yang mempunyai Sijil 'Am (Perengkat Biasa) dengan mendapat kelulusan 4 matapelajaran akan di-pertimbangkan untok di-tempatkan dalam tangga gaji T.7.

**Sharat2 Lantekan :**

Chalon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrek tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrek.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-telah menjalani satu tempoh perchubaan.

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Mei, 1979.

(E/1759/77 — Bil : 63/1979)

## KERJA2 KECHIL DI-JABATAN PELAJARAN, BRUNEI

JABATAN Pelajaran dengan ini mempelawa pemborong tempatan yang berdaftar dengan pehak Kerja Raya menghantar tawaran dalam melaksanakan kerja2 kechil di-Maktab, Sekolah2 Menengah dan Sekolah2 Rendah saperti yang telah di-nyatakan dalam borang tawaran (Quotation Form).

Borang2 tawaran boleh di-dapati dari Pejabat Pelajaran, Bandar Seri Begawan, Brunei, pada bila2 waktu Pejabat di-buka.

Tawaran hanya akan di-terima sa-hingga 15hb Mei, 1979.

## TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Government Offices, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class "A" Contractors up to 12.00 noon, Tuesday 17th April 1979 for the

EXECUTION OF BUILDING AND CIVIL ENGINEERING WORKS UNDER TERM CONTRACT AT ESTABLISHMENTS MAINTAINED BY THE ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT AT MUARA AND BANGAR.

2. Tenders received after 12.00 noon, Tuesday 17th April 1979 will be rejected.

3. Tenders shall be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name and address of the Tenderer.

4. Tender Documents may be examined at and obtained from the office of Frank & Vargeson, Chartered Quantity Surveyors, Third Floor, Wisma Hajjah Fatimah, 22-23 Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan at any time during normal office hours.

5. The Tender Deposit shall be $500.00 which will be refunded to each unsuccessful tenderer upon the receipt of a bona fide Tender.

6. Tenders shall be submitted only on the Form of Tender provided.

7. The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest or any Tender.

# CHERAMAH UNTOK PENULIS DAN PEMINAT SASTERA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Cheramah sastera dari ahli2 budayawan dan sasterawan Malaysia termasok oleh Prof Ismail Hussein yang di-jadualkan akan berlangsong di-Bilek Kuliah Bangunan Peringatan Churchill di-sini telah di-ubah ka-Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-Jalan Tutong.

Tarikh di-adakan cheramah2 itu maseh tidak berubah ia-itu pada 14hb April mulai pukul 2.00 petang.

Rombongan 20 orang sasterawan dan budayawan dari Malaysia itu akan menjadi tetamu kapada Persatuan Asterawani Brunei dan mereka di-jangka tiba pada hari Jumaat ini jam 11.30 pagi.

Juruchakap Asterawani menyatakan bahawa rombongan itu tidak saja mengadakan perjumpaan2 di-Bandar Seri Begawan dengan penulis2 Daerah Brunei dan Muara, tetapi juga mereka akan berkunjong ka-Kuala Belait untok mengadakan pertemuan2 dengan penulis2 di-Daerah itu pada pagi 15hb April.

Pada pagi itu juga, rombongan tersebut akan di-bawa melawat ka-Padang Minyak Seria sa-belum pulang ka-BSB untok melawat ka-sekitar Kampong Ayer.

Mereka di-jangka pulang ka-Malaysia pada pukul 6.00 petang, hari yang sama.

Juruchakap Asterawani mengharapkan penulis2 tanah ayer akan dapat menghadhiri ka-majlis2 cheramah dan perjumpaan2 yang telah di-ranchangkan itu.

Persatuan Asterawani juga akan chuba mempertunjokkan kapada pelawat2 itu seni tari di-Brunei dengan mengadakan Malam Titian Budaya di-Balai Pameran DBP pada 14hb April jam 7.30 malam.

## Menyembor ubat DDT

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan akan meneruskan gerakan menyembor ubat2 DDT dan penyelidekan penyakit malaria di-Daerah2 Tutong dan Belait dalam bulan ini.

Rombongan dari jabatan itu akan menjalankan penyemboran ubat DDT di-Kampong Rambai dan Batang Pitan, kedua2-nya di-Daerah Tutong pada 11hb dan 12hb April.

Rombongan tersebut akan menjalankan gerakan yang sama di-Daerah Belait saperti berikut:

Kampong Labi pada 14hb April, Mendaram Kechil pada 16hb April, Teraja pada 16hb April, Tenajor pada 17hb April, Ratan pada 18hb April, Terunan pada 19hb April, Mendaram Besar pada 21hb April, Kenapol pada 23hb April, Gatas pada 24hb April dan Rampayoh pada 26hb April.

Rombongan penyelidekan penyakit malaria akan menjalankan penyelidekan tersebut sa-hingga 21hb April. Jadual penyelidekan di-Daerah Tutong itu ada-lah saperti berikut:

Kampong Bukit Udal pada 11hb dan 12hb April, Bang Gogos pada 14hb April, Sg Damit Ulu, Pk Doun pada 16hb April, Tong Kundai, Nong Angeh pada 17hb April, Belunu pada 18hb April, Pk Doung pada 19hb April dan Ukong pada 21hb April.

Jadual penyelidekan bagi Daerah Belait pula ada-lah saperti berikut:

Kampong Mendaram Besar pada 23hb April, Rampayoh pada 24hb dan 25hb April dan Bukit Puan pada 26hb April.



Dayang Masni bersama anak kembar-nya Dayang Aminah, Zalimah dan Fatmah.

DI-SAAT kita memperingati Hari Kesihatan Sedunia dan sempena Tahun Antarabangsa Kanak-kanak, telah membawa kembali ingatan pendudok2 Kampong Ayer terhadap peristewa yang bersejarah ia-itu kelahiran kembar tiga yang pertama di-negeri ini.

Kembar tiga yang di-maksudkan itu ia-lah Dayang Aminah, Dayang Zalimah dan Dayang Fatmah yang telah lahir dalam tahun 1968 yang lalu.

Anak kapada sa-orang tukang kayu, Awang Tengah bin Salleh dan isteri-nya Dayang Masni binte Said telah merayakan hari jadi mereka yang ke-11 pada 1hb April yang lalu. Mereka sekarang belajar di-Sekolah Persediaan Inggeris Dato Ahad dalam Prep II.

Ibu kapada anak kembar itu, Dayang Masni ketika di-temui menyatakan keshukoran-nya kerana dapat menyempurnakan tugas2-nya sa-bagai sa-orang ibu yang berchita2 agar ketiga2 anak kembar-nya itu sentiasa berada dalam keadaan baik dan menggembirakan.

"Ketiga2 mereka itu ada-lah 'buah hati' kami yang bukan saja kerana mereka saya merasakan sa-macham suatu kelapangan, tetapi juga merupakan satu daya penghibor dan juga sumber harapan kami", kata Dayang Masni.

Ini, tambah-nya, bukan bermakna beliau tidak menyayangi anak2-nya yang lain, bahkan soal sayang dan kaseh itu ada-lah sama — maalum saja perasaan sa-orang ibu.

"Saya tetap kaseh dan sayang pada anak2 yang lain, tetapi 'si-kembar tiga' ini ada-lah sumber kebahagiaan kami seluroh-nya".

Kata-nya, hal ini dapat di-boktikan bilamana semua saudara adek-beradek mereka chukop menyayangi mereka dan keadaan sunggoh menggembirakan.

Di-samping itu, Dayang Masni juga telah menyatakan rasa terhutang budi kapada masharakat keliling dan firma2 di-negeri ini terutama sekali Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan yang telah menyumbangkan perkhidmatan dalam memberikan perhatian yang berat terhadap kesihatan dan kebajikan anak kembar-nya itu.

Atas perhatian dan sumbangan itu, beliau tidak lupa menguchapkan terima kaseh.

# Tambang bas Seria — Belait naik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lembaga Penguasa Melesen Kereta Sewa Brunei telah bersetuju menaikkan tambang bas perjalanan antara Seria dan Kuala Belait. Kenaikan tambang bas itu bermula pada 1hb April yang lalu.

Kadar tambang bas yang di-persetujui itu ada-lah saperti berikut:

1 hingga 3 batu — 20 sen
1 hingga 6 batu — 40 sen
1 hingga 9 batu — 50 sen
1 hingga 11½ batu — 70 sen.

Kadar2 tambang yang di-tetapkan itu ada-lah bagi orang2 dewasa manakala kanak2 yang berumor dari dua hingga 12 tahun di-kenakan sa-paroh dari kadar2 itu atau 50% dan kanak2 yang berumor di-bawah dua tahun (tidak di-berikan tempat dudok) tidak di-kenakan bayaran.

Sementara itu sedikit kesilapan dalam kadar tambang teksi yang di-keluarkan dalam Pelita Brunei keluaran 28hb Mach yang lalu.

No. 1 (c) Tambahan tambang perjalanan jauh malam lewat dari jam 11.00 malam ia-lah 50% dari jumlah tambang biasa dan bukan-nya 5% saperti yang di-chatetkan.

Dari muka 1

Mereka yang menamatkan latehan pada hari itu ada-lah merupakan pengambilan kali kedua sejak upachara tamat latehan yang pertama di-adakan pada tahun lalu dan kali pertama bagi tahun 1979.

Mereka telah menjalani latehan di-bawah lima orang jurulateh dalam berbagai aspek ketenteraan, perondaan dan peninjauan bagi kawasan2 kawalan di-sungai dan perayeran telok di-negeri ini.

Hingga pada masa ini Pasokan Bot Khas mempunyai sa-ramai 92 orang anggota dengan lima orang jurulateh serta beberapa orang pegawai. Ia-nya ada-lah di-bawah perentah Markas Pasokan di-Berakas Kem dan di-tempatkan serta di-tadbirkan di-Pasokan Angkatan Laut Pertama di-Muara.

Turut menghadhiri upachara tamat latehan itu termasok-lah Pegawai Pemerentah Angkatan Laut, Lt Kol A.H.F. Wilks dan Pegawai Turus Satu AMDB, Lt. Kol. R. A. Preedy.

Dari muka 1

Tiga orang Guru Terlateh juga telah di-naikan pangkat menjadi Penolong Penerbit di-Radio Talivishen Brunei. Mereka ia-lah Awang Ali bin Hidop/Hidup, Ak Shahbuddin bin Pg Ahmad dan Awang Amdan bin Haji Ghani. Lantekan mereka bermula 1hb Mach, 1979.

Dua orang kakitangan Jabatan Perpindahan, Awg Mohd Zain bin Bongsu, Kerani Tingkatan III dan Awg Abdullah bin Arsad/Arsat, Tukang Pelan telah di-naikan pangkat menjadi Pegawai Luar Perpindahan ia-itu jawatan dalam Bahagian III. Lantekan mereka bermula 1hb April, 1979.

Empat orang pegawai yang di-tukar jawatan ia-lah Awang Syed Hussein bin Abdillah Alkaff, Jurubahasa Serentak, Dewan Majlis di-tukar sa-bagai Pegawai Tugas2 Khas di-Pejabat Istana; Awang David Chiew Mun Wah, Dayang Pauline Tan (Mrs A G Ellerker) dan Dayang Cecilia Thng Siew Kheng, ketiga2-nya Ketua Jururawat Perubatan di-tukar sa-bagai Jururawat Bilek Pembedahan di-jabatan yang sama. Pertukaran jawatan bagi ke-empat2 orang pegawai itu bermula pada 1hb April, 1979.

Awang Haji Mina bin Bulat, Pengawas Tingkat Khas — JKR telah bersara pada 31hb Disember, 1978.

## Perlawanan bolasepak tujoh sa-pasokan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Belia2 dan pasokan2 bolasepak yang terdiri dari pendudok2 di-kampong ayer di-ibu negeri ada-lah di-pelawa untok menyertai kejohanan perlawanan bolasepak tujoh orang sa-pasokan yang di-anjorkan oleh Majlis Belia2 Kampong Saba.

Perlawanan itu yang terbuka kapada belia2 yang berumor 20 tahun ka-bawah ada-lah mensharatkan sa-tiap pemain di-lahirkan dan tinggal di-kampong ayer.

Sa-tiap pasokan di-benarkan menghantar dua pasokan 'A' dan 'B' dengan keramaian pemain tidak lebeh lapan orang.

Pasokan2 yang berhajat untok menyertai-nya adalah di-kehendaki mendapatkan borang penyertaan yang boleh di-dapati dari Awg Suhaili bin Hj Ahmad dan Awg Serudin bin Bunut dari Kampong Saba.

Sa-tiap permohonan hendak-lah di-hantar berserta dengan wang penyertaan sa-banyak $10.00 tidak lewat pada 1hb Mei depan.

Perlawanan yang di-jalankan sa-chara kalah mati itu di-jangka akan di-langsongkan pada pertengahan bulan Mei. Sa-barang perlawanan ada-lah mengikut undang2 sa-belas sa-pasokan (Undang2 BAFA).

Dari muka 1

Tabib Laila Diraja Dato P.I. Franks dan Timbalan-nya Dato Paduka Dr Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin telah berkunjong ka-Kelinik di-Kampong Perpindahan dan menyaksikan aktiviti2 di-kelinik tersebut.

Di-Kelinik Limau Manis, para ibu telah di-berikan tunjokchara bagi menchegah penyakit lumpoh, kerongkong, champak dan lain2 lagi dengan memberikan suntekan bagi menchegah penyakit tersebut.



GAMBAR atas menunjokkan Boeing 747 Sharikat Penerbangan British yang telah mendarat buat kali pertama di-lapangan terbang antarabangsa Brunei pada hari Selasa minggu lalu. Kapalterbang Jumbo itu ada-lah menggantikan kapalterbang VC 10 dalam perkhidmatan-nya antara London dan Brunei.

DI-TERBITKAN OLEH BAHAGIAN PENERANGAN, JABATAN SETIA USAHA KERAJAAN DAN DI-CHETAK OLEH JABATAN PERCHETAKAN KERAJAAN BRUNEI.